

Opu Bugis Lima Bersaudara: Peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi Dalam Kerajaan Di Kalimantan Pada Abad Ke-18

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria
Universiti Malaya
manuskrip_lama@yahoo.com

Abstrak

Opu Bugis Lima Bersaudara ialah putera Daeng Rilekkek ibni La Madusalad, Raja Bugis-Luwu di Sulawesi Selatan. Opu Bugis Lima Bersaudara terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi. Mereka bersama-sama Daeng Rilekkek mengembara ke seluruh Kepulauan Nusantara. Selepas Daeng Rilekkek mangkat di Pulau Siantan, putera beliau meneruskan kesinambungan ayahanda mereka dan sampai di kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Mereka bersama-sama Sultan Johor menentang Raja Kecil dan pakatannya di sini. Dalam pada itu, kerajaan di Kalimantan turut berlaku pergolakan iaitu di Sambas dan Mempawah, Sultan di sini memohon bantuan daripada Opu Bugis Lima Bersaudara tetapi mereka tidak dapat bergerak bersama ke sana. Daeng Parani menghantar Daeng Menambun dan Daeng Kemasi ke kerajaan di Kalimantan dan mereka berjaya melaksanakan perjuangan di sini. Ekoran daripada kejayaan tersebut, Daeng Menambun dilantik sebagai Pangiran Emas Seri Negara kerajaan Mempawah manakala Daeng Kemasi dilantik sebagai Pangiran Mangkubumi kerajaan Sambas. Kertas kerja berjudul "Opu Bugis Lima Bersaudara: Peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi dalam Kerajaan di Kalimantan pada Abad ke-18" membincangkan sejauhmana reaksi pemimpin tempatan terhadap peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi di sini. Berdasarkan perkara tersebut, objektif adalah terdiri daripada peranan Opu Bugis Lima Bersaudara dalam kerajaan Matan, peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi dalam kerajaan Sambas, peranan Daeng Menambun dalam kerajaan Mempawah dan perjuangan mereka terhadap kerajaan Sambas dan Mempawah serta reaksi pemimpin tempatan di sini.

Pendahuluan

Daeng Menambun dan Daeng Kemasi adalah tergolong dalam Opu Bugis Lima Bersaudara. Mereka adalah merupakan putera Daeng Rilekkek ibni La Madusalad, kerabat diraja Bugis-Luwu.¹ Opu Bugis Lima Bersaudara adalah terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi.² Berdasarkan salasilah mereka, Daeng Parani

adalah merupakan putera sulung Daeng Rilekkek, putera kedua ialah Daeng Menambun, putera ketiga ialah Daeng Marewah, putera keempat ialah Daeng Chelak dan putera terakhir ialah Daeng Kemasi. Daeng Rilekkek bersama-sama puteranya mengembara ke alam Melayu di sebelah barat kerana berhasrat menolong kerajaan yang memerlukan bantuan.³ Pengembaraan pertama mereka ialah di Betawi, Jawa kerana di sini

¹ Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan oleh), *Salasilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, him. 14-15 dan Virginia Matheson Hooker (editor), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1982, him. 24.

² *SP 368/21*, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salinan Salasilah Raja Melayu Bugis di Nusantara, *SP 368/21*, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salasilah Raja Melayu Bugis di

Nusantara (Dalam Tulisan Jawi), *Pejabat Sultan Negeri Johor, Family Tree Sultan of Johore and Bugis*, Raja Adnan Salman (diselenggarakan), *Warisan Khazanah Riau Gabungan Yayasan Marhum Murshid*, Singapura: 1988, him. 28 dan *CO 439/1. Annual Report of the State of Selangor for the Year 1889.*

³ Daeng Parani membunuh seorang kerabat diraja Bugis-Makassar di Makassar. Ini disebabkan kerabat diraja Bugis-

Daeng Rilekkek berhasrat untuk bertemu dengan Daeng Biasa, adinda beliau dan Mayor Betawi. Selama tiga bulan menetap di Betawi, mereka meneruskan pengembaraan dan menuju ke Segantang Lada, Pulau Siantan. Selepas tiba di Segantang Lada, mereka bertemu dengan Kareang Abdul Fattah, Nakhoda Alang dankerabat diraja Makassar. Selepas menetap di Segantang Lada, mereka meneruskan pengembaraan dan menuju ke Negeri-negeri Melayu serta Kemboja. Selepas mengembara ke Kemboja, mereka pulang ke Pulau Siantan dan Daeng Rilekkek mangkat di sini.⁴

Peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi (Opu Bugis Lima Bersaudara) dalam Kerajaan Matan

Kerajaan Matan mengalami perselisihan faham di antara Sultan Muhammad Zainuddin, Sultan Matan pertama (1665-1724) dengan Pangiran Agung, adik tiri baginda kerana merebut takhta di sini. Ekoran daripada itu, Sultan Muhammad Zainuddin bersama-sama isteri dan putera-puteri baginda berundur ke kerajaan Banjar. Setelah sampai di kerajaan Banjar, Sultan Muhammad Zainuddin berbincang dengan Sultan Banjar untuk menyerang Pangiran Agung di kerajaan Matan. Tambahan lagi, Sultan Muhammad Zainuddin mengutuskan surat kepada Opu Bugis Lima Bersaudara yang menetap di Pulau Siantan. Selepas berbincang dan mengutuskan surat tersebut, Sultan Muhammad Zainuddin bersama-sama angkatan tentera terdiri daripada orang Banjar, orang Sempat Mendawi dan orang Kota Ringin yang diketuai oleh Panglima Pantas, Panglima Besar menuju dan menyerang Pangiran Agung di kerajaan Matan.

Sultan Muhammad Zainuddin bersama-

sama angkatan tentera baginda tiba di kerajaan Matan pada sebelah malam. Mereka berperang sepanjang malam dengan angkatan tentera Pangiran Agung di sini. Dalam peperangan tersebut, Panglima Pantas terbunuh dan menyebabkan orang Banjar, orang Sempat Mendawi dan orang Kota Ringin mengundurkan diri. Namun begitu, Sultan Muhammad Zainuddin tidak berhasrat untuk menyerah kalah dan menuju ke dalam masjid di sini. Ekoran daripada itu, Sultan Muhammad Zainuddin dikepung oleh menantu Pangiran Agung daripada keturunan Bugis iaitu Daeng Matekoh dan Tuan Haji Hafiz bersama-sama angkatan tentera kerajaan Matan. Mereka mengepung Sultan Muhammad Zainuddin di sini sehingga siang dan baginda menyatakan bahawa "Engkau semua sanak saudara, menteri penggawaku, sampai hati membuatkan aku sedemikian ini".⁵ Setelah mendengar kenyataan tersebut, kerabat diraja Matan dan para pembesar Sultan Muhammad Zainuddin menangis.

Sultan Muhammad Zainuddin tetap dikepung sehingga malam yang seterusnya. Namun begitu, pada sebelah malam kali ini, kerabat diraja Matan dan para pembesar Sultan Muhammad Zainuddin membekalkan makanan, minuman, sirih pinang dan tembakau kepada baginda. Ekoran daripada itu, Pangiran Agung mengarahkan supaya tidak memberi bekalan makanan dan sebagainya kepada Sultan Muhammad Zainuddin. Tambahan lagi, Pangiran Agung mengarahkan mereka mengepung dan menunggu siang malam di masjid perlindungan Sultan Muhammad Zainuddin. Walaupun Pangiran Agung mengarahkan tidak memberi bekalan makanan kepada Sultan Muhammad Zainuddin, kerabat

Makassar mengadakan hubungan sulit dengan isteri Raja Bone. Ekoran daripada itu, Daeng Rilekkek bersama-sama Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi berhasrat untuk mengembara ke alam Melayu di sebelah barat. Tambahan lagi, Raja Bone merestui pengembaraan Daeng Rilekkek bersama putera beliau ke alam Melayu di sebelah barat. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Andi Zainal Abidin, *Sejarah Sulawesi Selatan*, Ujung Pandang: Hasanuddin University Press, 1999. him. 96 dan Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan oleh), *Salasilah Melayu dan Bugis*, him. 21.

⁴ Daeng Parani menamakan Daeng Kemboja, puteranya sempena pengembaraan mereka ke Kemboja. Daeng Kemboja

adalah putera Daeng Parani dengan puteri Nakhoda Alang di Pulau Siantan. Selepas kemangkatan Daeng Chelak, Yamtuan Muda Riau ke-2, Daeng Kemboja dilantik sebagai Yamtuan Muda Riau ke-3. Untuk keterangan lanjut lihat dalam Ellyas Suryani Soren (penyusun), *Sejarah Mempawah Tempo Doeloe*, Kabupaten Pontianak: Kantor Informasi, Arsip dan Perpustakaan Daerah Kabupaten Pontianak, 2004, him. 41 dan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864*, Tanjung Pinang: Yayasan Khazanah Melayu, 2002, him. 20.

⁵ Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), *Hikayat Upu Daeng Menambun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, him. 25.

diraja Matan dan para pembesar baginda tetap menghantar bekalan makanan dan minuman kepada baginda siang serta malam. Keadaan tersebut berlaku selama lima bulan, ekoran

daripada itu, kesihatan Sultan Muhammad Zainuddin tidak terjejas dan bertambah sihat serta badan baginda semakin gempal.⁶

Selepas Opu Bugis Lima Bersaudara

⁶ Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), Hikayat Upu Daeng Menambun, him. 26.

⁷ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek: Menelusuri Maklumat daripada Teks Melayu", Seri Alam, Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor. Bil. 8. 2004, him. 114.

⁸ Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, him. 193.

⁹ Sartono Kartodirdjo, Pengantar Sejarah Indonesia Bam: 1500-1900, Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, 1992, him. 282 dan Raja Haji Ali, Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864, him. 22.

¹⁰ Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam, him. 153.

¹¹ Setelah mendengar kenyataan oleh Tuan Haji Hafiz, Daeng Matak' sedar dan beliau tidak berhasrat untuk berperang dengan dua pupunya sendiri. Ekoran daripada itu, Daeng Matak' berhasrat untuk mengundurkan diri daripada peperangan tersebut. Opu Lima Bugis Bersaudara juga tidak berhasrat untuk menentang Daeng Matak', akhirnya, mereka bersepakat sesama sendiri. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun memberikan perahu layamnya kepada Daeng Matak'. Perahu layar Daeng Menambun mempunyai dua buah meriam bemama Sigondah; satu dibelah kiri dan satu dibelah kanan. Setelah Daeng Matak' menaiki perahu tersebut, sebuah meriam Sigondah dibelah kanan diturunkan untuk kegunaan Daeng Menambun. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Ellyas Suryani Soren (penyusun), Sejarah Mempawah Tempo Doeloe, him. 42.

¹² Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), Hikayat Upu Daeng Menambun, him. 33.

¹³ Raja Kecil merupakan putera Sultan Mahmud dengan Che Pong dan menuntut takhta kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Raja Kecil dari Siak menyerang kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dan berjaya mengalahkan serta membunuh Sultan Abdul Jalil Shah IV. Ekoran daripada itu, Raja Kecil dilantik sebagai Sultan Johor baru dengan memakai gelaran sebagai Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Namun begitu, Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah berjaya dikalahkan oleh Opu Bugis Lima Bersaudara. Ini disebabkan Raja Sulaiman memohon bantuan daripada Opu Bugis Lima Bersaudara. Kemudiannya, Raja Sulaiman dilantik sebagai Sultan Johor baru. Raja Sulaiman memakai gelaran sebagai Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, Singapura: Malaysian Publications Ltd., 1965, him. 62, Donald J. Goudie, Syair Perang Siak, MBRAS: Art Printing Works Sdn. Bhd., 1989, him. 84-90, M. C. Ricklefs, Sejarah Indonesia Modern 1200-2004, Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2005, him. 158-159, Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", Jurnal Sejarah Melaka, Bil. 7, 1982, him. 58, Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Raja Kechil-Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722: Sam Kajian Tentang Asal-susulnya", Jurnal Sejarah Melaka, Bil. 6., 1981, him. 48-52, Aruna Gopinath, Pahang 1880-1933: A Political History, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1991, him. 17, W. Linehan, A History of Pahang, Kuala Lumpur: MBRAS, 1973, him. 45 dan R.O. Winstedt, A History of Johore, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1979, him. 50-51.

¹⁴ H. M. Syarif Kasim (penanggung jawab), Kahupaten Sambas: Sejarah Kesultanan dan Pemerintahan Daerah, Pontianak: Percetakan Taurus-Semar Karya Pontianak, 2001, him. 48.

¹⁵ Raja Haji Ali, Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864, him. 34.

¹⁶ Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), Hikayat Upu Daeng

Menambun, him. 44.

¹⁷ Ibid., him. 46.

¹⁸ Raden Tengah adalah merupakan keturunan daripada Sultan Brunei. Raden Tengah dilantik sebagai Raja Sarawak pertama oleh Sultan Abdul Jalil Akhbar. Raden Tengah pemah ke Johor, kemudian pulang ke Kalimantan, beliau menghadapi kecelakaan. Ekoran daripada itu, Raden Tengah terdampar dan menetap di kerajaan Matan Sukadana. Seterusnya, Raden Tengah berkahwin dengan Ratu Surya, adik perempuan Sultan Muhammad Shafiyuddin. Ekoran daripada itu, keturunan Raden Tengah merupakan raja-raja kerajaan Sambas. Ini disebabkan Raden Sulaiman, putera Raden Tengah berkahwin dengan Mas Ayu Bungsu, puteri Ratu Sepudak kerajaan Sambas Tua. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Graham Saunders, A History of Brunei, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994, him. 62-64, Hugh Low, "Selesilah (Book of the Descent of the Rajas of Brunei)", Cheah Boon Kheng (Editor), Papers Relating to Brunei, MBRAS: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., 1998, him 12-15 dan Pabali bin Hj. Musa M. A. "Kesultanan Sambas", Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Ahmad Farid Abdul Jalal, Bambang Budi Utomo dan Asyaari Muhamad (penyunting), Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Mel ayu Nusantara: Sejarah dan Warisan, Bangi: Lembaga Muzium Negeri Pahang dan Inst. Alam dan Tamadun Melayu UKM, 2005, him. 580-586 dan H. Mawardi Rivai, "Kesultanan Sambas Menenun Zaraan", Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (Penyelenggara) Kesultanan Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, him. 555-560.

¹⁹ Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam, him. 153.

²⁰ Ibid., him. 221.

²¹ Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), Hikayat Upu Daeng Menambun, him. 48.

²² Puteri Kesumba adalah puteri Sultan Muhammad Zainuddin dengan Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati. Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati adalah keturunan daripada Raja Mempawah. Ayah Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati adalah Panembahan Senggaok, Raja Mempawah dan keturunan daripada kaum Dayak manakala ibunya ialah Puteri Cermin, puteri Raja Kahar Batu Rijal. Tambahan lagi, kaum Dayak merupakan kaum terbesar di Kepulauan Borneo. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Ellyas Suryani Soren (penyusun), Sejarah Mempawah Tempo Doeloe, him. 15-18, Paul Michel Munoz, Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula, Singapore: Editions Didier Millet Pte Ltd., 2006, him.305 dan Darmawijaya, Kesultanan Islam Nusantara, Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar, 2010, him. 157.

²³ Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah). Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam, him. 221.

²⁴ Hukum Siri ialah adat daripada Sulawesi Selatan. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam ibid., him. 54-55.

²⁵ Syayid Habib Husein al-Qadry adalah keturunan daripada jazirah Arab dan menetap di sini. Kemudian, Syayid Habib Husein al-Qadry mengembara ke alam Melayu dan menetap di kerajaan Matan pada tahun 1735. Namun begitu, Syayid Habib Husein al-Qadry dilantik sebagai mufti pada tahun 1741. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Lisyawati Nurcahyani (Editor), Pontianak 1771-1900: Suatu Tinjauan Sejarah Sosial Ekonomi, Pontianak: Romeo Grafika Pontianak, 2000, him. 12.

²⁶ Nakhada Ahmad melakukan kesalahan di kerajaan Matan kerana mengganggu penduduk wanita di sini termasuk wanita kerabat diraja Matan. Selepas Nakhoda Ahmad ditangkap, Syayid Habib Husein al-Qadry membicarakan kesalahan beliau di sini. Ekoran daripada itu,

menerima surat tersebut, mereka bersiap untuk membantu Sultan Muhammad Zainuddin yang dikepung selama lima bulan dalam masjid di kerajaan Matan. Pangiran Agung mendapat khabar berita bahawa Opu Bugis Lima Bersaudara berhasrat untuk menghadap beliau. Ekoran daripada itu, Syahbandar kerajaan Matan memaklumkan kepada Opu Bugis Lima Bersaudara dibenarkan untuk menghadap Pangiran Agung dalam istana di sini. Selepas berjumpa antara satu sama lain, Opu Bugis Lima Bersaudara berhasrat untuk mengetahui keadaan Sultan Muhammad Zainuddin yang dikepung dalam masjid di sini selama lima bulan. Pangiran Agung memaklumkan kepada mereka bahawa Sultan Muhammad Zainuddin berada dalam keadaan sihat. Opu Bugis Lima Bersaudara berhasrat bahawa Pangiran Agung melepaskan Sultan Muhammad Zainuddin. Namun begitu, Pangiran Agung enggan melepaskan Sultan Muhammad Zainuddin yang berada dalam kepuangan tersebut. Selepas berbincang antara satu sama lain, Opu Bugis Lima Bersaudara pulang dan menuju ke tempat Sultan Muhammad Zainuddin. Setelah sampai di masjid tersebut, Opu Bugis Lima Bersaudara menghadap Sultan Muhammad Zainuddin. Seterusnya, Opu Bugis Lima Bersaudara menunjukkan surat yang mempunyai cop mohor Sultan Muhammad Zainuddin sebagai bukti bahawa mereka adalah kumpulan yang

dipanggil oleh baginda.

Opu Bugis Lima Bersaudara membawa pulang Sultan Muhammad Zainuddin yang berlindung dalam masjid selama lima bulan. Sebelum melanjutkan perjalanan ke kerajaan Banjar, Opu Bugis Lima Bersaudara menunjukkan Sultan Muhammad Zainuddin kepada Pangiran Agung.⁸ Ekoran daripada itu, Pangiran Agung berasa marah dan menghalau mereka dengan segera. Selepas Opu Bugis Lima Bersaudara dan Sultan Muhammad Zainuddin dihalau, mereka menuju ke Banjar untuk menghadap Sultan Banjar dan isteri serta putera-puteri Sultan Muhammad Zainuddin di sini. Setelah sampai di Banjar, Sultan Muhammad Zainuddin memaklumkan tentang pengalaman baginda kepada Sultan Banjar. Sultan Banjar turut menyatakan bahawa sebanyak tiga kali orang suruhan Pangiran Agung memohon Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati dan putera-puterinya datang ke kerajaan Matan. Namun begitu, Sultan Banjar menolak permohonan tersebut.

Akhirnya, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk pulang ke kerajaan Matan bersama-sama isteri, putera-puteri dan pengikut baginda. Tambahan lagi, Opu Bugis Lima Bersaudara turut mengikuti rombongan pulang tersebut. Setelah tiba di Kuala Kandang Kerbau, Matan, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk membalas jasa kepada Opu

Nakhoda Ahmad akan didenda, dilarang untuk menjejak kaki beliau di sini lagi dan memohon keampunan daripada Sultan Muhammad Zainuddin. Namun begitu, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk membunuh Nakhoda Alam tetapi Syayid Habib Husein al-Qadry tidak menjatuhkan hukuman bunuh. Sultan Muhammad Zainuddin kecewa dengan keputusan tersebut dan mengarahkan pengikut baginda membunuh Nakhoda Ahmad tanpa diketahui oleh Syayid Habib Husein al-Qadry. Namun begitu, Syayid Habib Husein al-Qadry mengetahui terhadap tindakan yang dilaksanakan oleh Sultan Muhammad Zainuddin. Ekoran daripada peristiwa tersebut, Syayid Habib Husein al-Qadry berasa kecewa dan bersedia untuk berkhidmat dengan Daeng Menambun. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Ellyas Suryani Soren (penyusun), *Sejarah Mempawah Tempo Doeloe*, him. 68-69 dan Lisyawati Nurcahyani (Editor), *Pontianak 1771-1900: Suatu Tinjauan Sejarah Sosial Ekonomi*, him. 12-13.

²⁷Raja Haji Ali, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864*, him. 74.

²⁸Tunku Muhammad Jiwa memohon bantuan daripada Daeng Parani untuk mendapatkan takhta kerajaan Kedah daripada Raja Nambang, adik beliau. Daeng Parani mendapat bantuan daripada Daeng Marewah, Yamtuan Muda Johor pertama dan Daeng Chelak untuk menentang Raja Nambang di Kedah. Ekoran daripada itu, Daeng Parani melantik Tunku Muhammad Jiwa sebagai Yang dipertuan Kedah. Raja Nambang begitu marah dan menentang pakatan Tunku Muhammad Jiwa tersebut. Namun begitu, Raja Nambang kalah dan memohon bantuan daripada Raja

Kecil. Selepas itu, perang kali ke-2 di Kedah berlaku dan Raja Nambang bersama-sama Raja Kecil tetap mengalami kekalahan. Namun begitu, Daeng Parani mati terbunuh dalam peperangan tersebut. Ekoran daripada itu, Daeng Parani tidak sempat untuk berperang di Pinang Sekayuk. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Mohammad Isa Othman, *Politik Traditional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, him. 18 dan Virginia Matheson Hooker, *Tuhfat al-Nafis*, him. 218-224.

²⁹Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, him. 237-238. j0 Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), *Hikayat Upu Daeng Menambun*, him. 68. ³⁰Ibid., him. 72.

³²Raja Haji Ali, *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Rias-Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864*, him. 79.

³³Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, him. 244.

³⁴Abu Hassan Sham, *Puisi-puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993. him. 232.

Bugis Lima Bersaudara kerana menyelamatkan baginda. Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk mengahwinkan Puteri Kesumba, puteri baginda dengan Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati kepada salah satu daripada Opu Bugis Lima Bersaudara tersebut. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun, putera ke-2 Daeng Rilekkek dipilih dan dikahwinkan dengan Puteri Kesumba.⁹ Selepas berkahwin, Daeng Menambun memakai gelaran sebagai Pangiran Emas Seri Negara.¹⁰

Sultan Muhammad Zainuddin turut berhasrat untuk menangkap Pangiran Agung di istana kerajaan Matan. Sultan Muhammad Zainuddin memohon bantuan Opu Bugis Lima Bersaudara untuk melaksanakan hasrat baginda tersebut. Setelah Opu Bugis Lima Bersaudara tiba di kerajaan Matan, Pangiran Agung mengarahkan menantu beliau daripada keturunan Bugis iaitu Daeng Matekoh dan Tuan Haji Hafiz bersama-sama pengikutnya yang terdiri daripada orang Matan untuk menghalang mereka masuk ke dalam istana beliau. Ekoran daripada itu, Opu Bugis Lima Bersaudara bertemu dengan Daeng Matekoh dan Tuan Haji Hafiz di istana Pangiran Agung. Dalam pertemuan tersebut, mereka saling bersalaman antara satu sama lain dan Tuan Haji Hafiz memaklumkan kepada Opu Bugis Lima Bersaudara bahawa Daeng Matekoh adalah merupakan dua pupu mereka. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun dan adik-beradik lain bersepakat untuk melarikan Daeng Matekoh ke Siak dengan menggunakan perahu layar."

Setelah Opu Bugis Lima Bersaudara berjaya melepasi halangan daripada Daeng Matekoh dan Tuan Haji Hafiz, mereka masuk ke istana dan menangkap Pangiran Agung untuk dibawa kepada Sultan Muhammad Zainuddin. Peristiwa Opu Bugis Lima Bersaudara menangkap Pangiran Agung adalah seperti berikut "...masuk mengadap Panembahan Agung, serta bertemu seperti orang hendak berjabat salam itu. Lalu dipegangkan tangan dan tubuh dan kaki. Lalu dipikulnya dibawanya turun ke penjajap. Panembahan Agung itu lalu dibawanya hilir oleh Opu Daeng yang berlima bersaudara. Sebelumnya sampai ke hilir, berganti-ganti memegang tangan kaki

Panembahan Agung: hilir itu, sampailah ke Kuala Kandang Kerbau. Maka penjajap pun singgahlah ke pengkalan. Lalu dipikulnya Panembahan Agung naik ke darat. Maka lalu mengadap kepada Sultan Muhammad Zainuddin. Maka Sultan Muhammad Zainuddin banyak menerima kasih kepada anakanda yang berlima saudara".¹²

Selepas berjaya menangkap Pangiran Agung, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk membalas jasa kepada Opu Bugis Lima Bersaudara. Sultan Muhammad Zainuddin menawarkan jajahan baginda kepada Opu Bugis Lima Bersaudara tetapi Daeng Parani menolak tawaran tersebut kerana hendak belayar ke kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Ini disebabkan Raja Sulaiman, bakal Sultan Johor memohon bantuan daripada Opu Bugis Lima Bersaudara untuk menentang Raja Kecil dari Siak yang merampas takhta kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Namun begitu, Sultan Muhammad Zainuddin memaklumkan kepada Daeng Menambun, suami Puteri Kesumba dan menantu baginda bahawa beliau boleh memerintah di jajahan baginda.

Sebelum Opu Bugis Lima Bersaudara bertolak ke kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk membina kota kecil kepada Pangiran Agung. Setelah kota tersebut siap dibina, Pangiran Agung dan tiga puluh orang perempuan dimasukkan ke sini. Tambahan lagi, sungai kecil turut dibina di dalam kota tersebut. Kemudian, pintu kota tersebut dipaku. Sekiranya mereka memerlukan barang keperluan, mereka hanya perlu memanggil sahaja. Selepas Opu Bugis Lima Bersaudara melaksanakan permohonan oleh Sultan Muhammad Zainuddin, mereka berhasrat untuk meneruskan pengembaraan ke kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang.

Peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi dalam Kerajaan Sambas

Setelah Opu Bugis Lima Bersaudara berjaya memainkan peranan dalam politik kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, Daeng Marewah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor pertama.¹³ Selain itu, Daeng Chelak

berkahwin dengan Tengku Puan, adinda Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Tambahan lagi, Opu Bugis Lima Bersaudara memainkan peranan dalam politik kerajaan Kedah dan turut mencapai kejayaan di sini. Selepas Opu Bugis Lima Bersaudara memainkan peranan dalam politik Negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, Sultan Umar Akamuddin I, Sultan Sambas ke-3 mengutuskan surat kepada mereka.¹⁴ Ini disebabkan Sultan Umar Akamuddin I berhasrat Opu Bugis Lima Bersaudara melawat kerajaan baginda. Selain itu, Sultan Umar Akamuddin I berhasrat untuk mengahwinkan Raden Tengah, adinda baginda kepada salah seorang Opu Bugis Lima Bersaudara.¹⁵

Ekoran daripada hasrat Sultan Umar Akamuddin I, Opu Bugis Lima Bersaudara berbincang antara satu sama lain untuk mengutuskan salah seorang daripada mereka ke kerajaan Sambas. Antara perbincangan tersebut, pertama; Daeng Parani menyatakan bahawa beliau sudah mempunyai isteri di Pulau Siantan, Selangor dan Kedah. Kedua; Daeng Menambun berkahwin dengan Puteri Kesumba dan dilantik sebagai Pangiran Emas Seri Negara. Ketiga; Daeng Marewah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor pertama. Keempat; Daeng Chelak berkahwin dengan Tengku Puan, adinda Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Ekoran daripada perbincangan tersebut, Opu Bugis Lima Bersaudara menyimpulkan bahawa Daeng Kemasi masih belum berkahwin dan memegang jawatan dalam pentadbiran. Daeng Parani berpakat dengan adik-adiknya bahawa mengutuskan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi ke kerajaan Sambas. Ekoran daripada itu, Opu Bugis Lima Bersaudara mengingatkan perjanjian di antara mereka dan berjanji bahawa "Barang di mana-mana dapat susah kita berlima bersaudara berkumpul dan memberitahu berkirin surat. Kita bersama-sama bertolong-tolong barang suatunya tiada bercerai".¹⁶

Selepas perbincangan Opu Bugis Lima Bersaudara selesai, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi belayar dan menuju ke kerajaan Sambas untuk menghadap Sultan Umar Akamuddin I. Sultan Umar Akamuddin I

berasa suka cita terhadap kedatangan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi ke kerajaan baginda. Setelah Daeng Menambun dan Daeng Kemasi tiba di kerajaan Sambas, Sultan Umar Akamuddin menyambut kedatangan mereka di sini. Selepas Daeng Menambun dan Daeng Kemasi menghadap Sultan Umar Akamuddin I, mereka diberikan rumah oleh baginda.

Setelah tiga hari Daeng Menambun dan Daeng Kemasi menetap di kerajaan Sambas, Sultan Umar Akamuddin mengarahkan kerabat diraja Sambas dan tujuh orang kiai bertemu dengan mereka. Tujuan Sultan Umar Akamuddin menghantar kerabat diraja Sambas dan tujuh orang kiai adalah untuk memaklumkan bahawa baginda berhasrat di antara salah seorang daripada daripada mereka diangkat sebagai menantu baginda dan menetap di sini. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun menyatakan bahawa beliau mendapat gelaran sebagai Pangiran Emas Seri Negara di kerajaan Matan dan memaklumkan bahawa Daeng Kemasi masih belum berkahwin. Kenyataan Daeng Menambun adalah seperti berikut "Ini ada adik saya Daeng Kemasi, belum berumah-rumah. Jikalau suka Sultan Adil memeliharakan, saya pun turut suka juga, sama-sama mencarikannya jalan yang kebajikan. Jikalau ada diberi Allah, diterimalah seperti kehendak Sultan itu".¹⁷

Selepas kerabat diraja Sambas dan tujuh orang kiai berjumpa dengan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi, mereka menghadap dan memaklumkan berita gembira kepada Sultan Umar Akamuddin L Selepas beberapa hari, Daeng Kemasi berkahwin dengan Raden Tengah binti Sultan Umar Akamuddin V* Ekoran daripada perkahwinan tersebut, Sultan Umar Akamuddin I berasa amat gembira kerana hasrat baginda tercapai. Selepas hari perkahwinan ke tujuh, Daeng Kemasi dilantik sebagai Pangiran Mangkubumi di kerajaan Sambas.¹⁹ Akhirnya, Opu Bugis Lima Bersaudara terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi sudah berkahwin dan memegang jawatan di dalam kerajaan masing-masing.

Peranan Daeng Menambun Dalam Kerajaan Mempawah

Selama empat puluh hari, Daeng Menambun menetap di kerajaan Sambas. Daeng Menambun berhasrat untuk pulang ke kerajaan Matan kerana beliau sudah meninggalkan kerajaan tersebut selama tiga tahun. Ekoran daripada itu, Daeng Kemasi dan Sultan Umar Akamuddin I membenarkan Daeng Menambun pulang ke kerajaan Matan. Berdasarkan Sultan Umar Akamuddin I, baginda mendapat khabar berita bahawa Sultan Muhammad Zainuddin sudah uzur dan memerlukan pengganti baru untuk memerintah kerajaan Matan.

Selepas Daeng Menambun memaklumkan hasratnya kepada Daeng Kemasi dan Sultan Umar Akamuddin I, beliau meneruskan pengembaraan ke kerajaan Matan untuk bertemu dengan Puteri Kesumba dan menetap di sini. Khabar berita mengenai kepulangan Daeng Menambun menyebabkan Sultan Muhammad Zainuddin berasa suka cita. Sultan Muhammad Zainuddin mengarahkan kerabat diraja Matan dan pengikut baginda menyambut kepulangan Daeng Menambun di hilir kerajaan Matan. Setelah ketibaan Daeng Menambun, tembakan kerajaan Matan dilaksanakan kerana untuk memaklumkan kepada penduduk di kerajaan Matan bahawa beliau sudah pulang ke tanah Matan. Ekoran daripada itu, seluruh penduduk tempatan di Matan berasa suka cita terhadap kepulangan Daeng Menambun.

Selama satu tahun Daeng Menambun menetap di kerajaan Matan, Sultan Muhammad Zainuddin berhasrat untuk melantik waris baginda kerana baginda sudah uzur. Sultan Muhammad Zainuddin mengarahkan Daeng Menambun, kerabat diraja Matan, menteri penggawa dan pengikut baginda berkumpul untuk berbincang mengenai waris baginda. Selepas berkumpul sesama mereka, Sultan Muhammad Zainuddin menyatakan bahawa "Ini anak saya laki-laki bertiga, menantu seorang, tetapi serupa keempatnya tiada berbezanya barang sedikit perasaan saya itu. Pilihlah orang awak semua kesukaan orang negeri, siapa yang awak suka anak saya berempat laki-laki itu yang akan memerintah negeri Matan menjadi Sultan Muda bakal ganti saya".²¹

Perbincangan dan pemilihan terhadap pengganti Sultan Matan dilaksanakan selama dua bulan, Sultan Muhammad Zainuddin mendapat khabar berita bahawa putera baginda iaitu Pangiran Ratu dan Pangiran Mangkurat berselisihan faham antara satu sama lain. Ini disebabkan Pangiran Ratu dan Pangiran Mangkurat bergaduh terhadap waris baginda sebagai Sultan Matan ke-2. Ekoran daripada itu, berdasarkan pandangan menteri dan orang Siring Mambal, Daeng Menambun perlu dihantar ke kerajaan Mempawah untuk dilantik sebagai raja di sini. Sultan Muhammad Zainuddin bersetuju dengan pandangan tersebut kerana Puteri Kesumba merupakan keturunan daripada Raja Mempawah.²² Tambahan lagi, Panembahan Senggaok mangkat dan kerajaan Mempawah memerlukan raja baru untuk memerintah di sini.

Akhirnya, Daeng Menambun bersama-sama Puteri Kesumba, Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati, Puteri Cermin dan pengikutnya berhijrah ke kerajaan Mempawah. Sebelum mengembara ke kerajaan Mempawah, Puteri Kesumba diberi gelaran sebagai Ratu Agung Senuhun.²³ Pada hari jumaat, rombongan Daeng Menambun bertolak dari kerajaan Matan ke kerajaan Mempawah. Setelah tiba di Sungai Mempawah, rombongan Daeng Menambun menuju dan berhenti di Sebukit, Senggaok. Ini disebabkan Sebukit merupakan pusat pemerintahan Raja Mempawah terdahulu seperti Patih Gumantar dan Patih Nyabakng. Rombongan Daeng Menambun menetapkan lokasi pemerintahan mereka di Sebukit. Selepas itu, Daeng Menambun, Puteri Kesumba, Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati, Puteri Cermin dan pengikutnya ke makam Panembahan Senggaok untuk membaca doa dan tahlil.

Pangiran Dipati, bakal Raja Mempawah dan sepupu Panembahan Senggaok mendapat khabar berita bahawa Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati pulang ke kerajaan Mempawah. Pangiran Dipati bertemu dengan rombongan Daeng Menambun. Selepas hari ke tujuh berada di kerajaan Mempawah, Puteri Cermin bersama-sama Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati ke Pinang Sekayuk.

Mereka berhasrat untuk mengambil hak peninggalan Panembahan Senggaok iaitu pertama; perkakas emas, perak dan tembaga, kedua; dua pedang pemberian Raja Kahar, kerajaan Batu Rijal Siak Indragiri dan ketiga; meriam bernama Bujang Jawa. Pangiran Dipati menyerahkan kesemua barangan tersebut kepada Puteri Cermin dan Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati. Namun begitu, Pangiran Dipati tidak akan menyerahkan takhta kerajaan Mempawah kepada mereka melainkan dua daerah iaitu di Senggaok dan Malinsam.

Selepas Puteri Cermin dan Seri Paduka Adinda Ratu Sultan Mas Darawati mendengar kenyataan daripada Pangiran Dipati, mereka pulang ke Sebukit dan melantik Puteri Kesumba sebagai waris takhta kerajaan Mempawah. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun dilantik sebagai Raja Mempawah pada tahun 1737. Daeng Menambun dan Puteri Kesumba menjalankan pemerintahan mereka di Sebukit, Senggaok. Setelah Daeng Menambun dilantik sebagai Raja Mempawah pada tahun 1737, beliau menjalankan pemerintahan berdasarkan hukum agama Islam. Selain itu, Daeng Menambun turut menjalankan pemerintahan berdasarkan hukum Siri yang berlandaskan agama Islam.²⁴ Daeng Menambun turut melantik menteri kerajaan Mempawah seperti Datuk Laksamana, Datuk Kiyai Dalam, Datuk Malem, Datuk Pembekal, Datuk Petinggi dan Datuk Bendahara.

Pada tahun 1741, Syayid Habib Husein al-Qadry dilantik sebagai mufti kerajaan Matan oleh Sultan Muhammad Zainuddin. Ekoran daripada itu, Syayid Habib Husein al-Qadry berkhidmat sebagai mufti di sini selama tujuh belas tahun.²⁵ Daeng Menambun mendapat khabar berita bahawa Syayid Habib Husein al-Qadry merupakan seorang mufti yang pandai dan bijak dalam agama Islam. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun berhasrat untuk mendapat khidmat Syayid Habib Husein al-Qadry tetapi tidak dipersetujui oleh Sultan Muhammad Zainuddin. Namun begitu, pada tahun 1758, Syayid Habib Husein al-Qadry menerima perkhidmatan sebagai mufti di kerajaan Mempawah. Ini disebabkan Syayid Habib Husein al-Qadry berasa kecewa kerana Sultan Muhamamd Zainuddin tidak mengikut

keputusan beliau melepaskan Nakhoda Ahmad dari Pulau Siantan.²⁶ Ekoran daripada itu, Daeng Menambun berasa suka cita terhadap keputusan yang dilaksanakan oleh Syayid Habib Husein al-Qadry. Seterusnya, Syeikh Ali bin Fakih al-Fhatani pula berhijrah ke kerajaan Mempawah. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun begitu suka cita kerana mendapat dua tokoh agama Islam yang begitu pandai dan bijak dalam agama Islam.

Peranan Daeng Menambun dan Daeng Kemasi dalam Perang Pinang Sekayukdi kerajaan Mempawah

Perang Pinang Sekayuk adalah berpunca daripada fitnah oleh kaum Dayak Salleh dan Dayak Kecil Nyawan terhadap kerajaan Sebukit. Ini disebabkan Gusti Jamril, putera Daeng Menambun menjalankan aktiviti perdagangan dengan kaum Dayak di Pinang Sekayuk. Kaum Dayak tersebut membeli barangan dagangan Gusti Jamril dengan berhutang. Ekoran daripada itu, Demang Relaga Panawucik diarahkan untuk mengutip hutang tersebut. Namun begitu, kaum Dayak Salleh dan Dayak Kecil Nyawan tidak dapat melunaskan hutang tersebut. Ekoran daripada itu, Dayak Salleh dan Dayak Kecil Nyawan membuat fitnah bahawa Demang Relaga Panawucik menculik kaum tersebut dan memaklumkan kepada Raden Jaka, putera Pangeran Dipati. Setelah Raden Jaka mendengar khabar berita tersebut, beliau tanpa usul periksa menyerang Demang Relaga Panawucik.²⁷ Selepas diserang oleh Raden Jaka bersama-sama kaum Melayu, Dayak Salleh dan Dayak Kecil Nyawan, Demang Relaga Panawucik mengundurkan diri ke Sebukit dan memaklumkan kepada Daeng Menambun. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun membuat keputusan untuk berperang dengan kerajaan Pinang Sekayuk.

Daeng Menambun memohon bantuan dan mengutus surat kepada Opu Bugis Lima Bersaudara terdiri daripada Daeng Marewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi.²⁸ Ekoran daripada itu, Daeng Kemasi, Pangiran Mangkubumi Sambas tiba di Sebukit terlebih dahulu dengan membawa lima buah kapal angkatan tentera. Daeng Marewah dan Daeng

Chelak lewat tiba ke Sebukit kerana menghadapi masalah dalam politik kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Masalah tersebut ialah Daeng Marewah mangkat dan dimakamkan di Sungai Baru, Riau dan Daeng Chelak dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor ke-2.29 Ekoran daripada masalah tersebut, Daeng Chelak lambat tiba ke Sebukit. Keadaan pakatan Daeng Menambun untuk menyerang kerajaan Pinang Sekayuk adalah seperti berikut "Pertama, Upu Daeng Menambun, satu kakap; dan Pangeran Mangkubumi dan Upu Daeng Kemasi, satu kakap; dan Gusti Jamril satu kakap; dan Gusti Jamadin satu kakap; dan Gusti Panglima satu kakap; Gusti Jalma pun, dia juga; dan Daeng Lulu satu kakap dan Panawucik Demang Relaga satu kakap, dan Tok Asin satu kakap; inilah neneknya Tuan Imam AH, sebelah ibunya; dan Penggawa Tusti satu kakap, mudiklah; itulah ayah Encik Dollah dan Encik Arif dan Encik Kutat satu kakap, dan Inderaguru Tujarapok satu kakap; dan Encik Subuh Kiai wangsanaya inilah ayah Kiai Demang, neneknya Encik Johar satu kakap; dan Kiai Raksapada satu kakap. Jumlah sekaliannya perahu adalah tiga puluh".³⁰ Pakatan tersebut menyerang kerajaan Pinang Sekayuk dan membina kubu di Tumban. Selain itu, pakatan tersebut menunggu kedatangan Daeng Chelak.

Pada waktu ketibaan Daeng Chelak di Sebukit, Ratu Bagus, putera Raja Landak menghadap Daeng Menambun di kubu untuk berbincang mengenai perang tersebut. Namun begitu, Daeng Menambun menyatakan beliau berhasrat untuk bertemu Daeng Chelak dan berbincang terlebih dahulu. Setelah Daeng Menambun bersama-sama Ratu Bagus berjumpa dengan Daeng Chelak di Sebukit, mereka berbincang antara satu sama lain mengenai perang tersebut. Ekoran daripada itu, Daeng Chelak menyatakan bahawa "Adinda ini datang mengadap ini, dipanggil perang. Meski jalan sehari pun hendak dicuba juga dengan Panemhahan Pangeran Dipati dengan Raden Jaka itu, boleh dia tahu dikatakannya kekanda tiada bersanak saudara; terlampau perbuatannya demikian itu". Setelah perbincangan selesai, mereka bersepakat untuk menyerang kerajaan Pinang Sekayuk tersebut.

Dalam pada itu, Utin Devvaman, puteri sulung Daeng Menambun terpikat dengan Ratu Bagus. Ekoran daripada itu, Utin Dewaman dan Ratu Bagus dikahwinkan. Selepas perkahwinan tersebut dilaksanakan, Ratu Bagus dilantik sebagai Panglima Besar@Panglima Perang oleh Daeng Chelak.³² Akhirnya, pakatan Daeng Menambun bertambah lagi iaitu angkatan tentera daripada Daeng Chelak dan Ratu Bagus. Ekoran daripada itu, Pangiran Dipati, Raden Jaka bersama-sama pakatannya takut terhadap pakatan empat buah kerajaan tersebut terdiri daripada kerajaan Sebukit, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, kerajaan Sambas dan kerajaan Landak.³³

Akhimya, Daeng Menambun bersama-sama angkatan Daeng Chelak dan Ratu Bagus tiba di kubu. Daeng Kemasi bersama-sama putera Daeng Menambun yang terdiri daripada Gusti Jamril, Gusti Jamadin dan Gusti Jalma bertemu dengan Daeng Chelak. Keesokan harinya, pakatan tersebut menyerang kubu musuh dan berjaya mengalahkan musuh di sini. Seterusnya, pakatan tersebut mara dan menyerang kubu Raden Jaka. Angkatan tentera Raden Jaka dikalahkan oleh pakatan tersebut. Ekoran daripada itu, Raden Jaka dan pengikutnya mengundurkan diri. Seterusnya, pakatan tersebut mara ke hadapan dan berjaya mengalahkan musuh di kubu lain. Akhirnya, pakatan tersebut berjaya memasuki kota Pinang Sekayuk dan menuju ke istana Pangiran Dipati. Setelah pakatan tersebut tiba di istana itu, Pangiran Dipati mengundurkan diri ke suatu tempat di Pinang Sekayuk. Ekoran daripada itu, pakatan tersebut berjaya mengalahkan kerajaan Pinang Sekayuk. Kebanyakan pengikut Pangiran Dipati dan Raden Jaka mengaku bahawa Daeng Menambun dan Puteri Kesumba adalah keturunan Raja Mempawah yang sebenarnya. Ekoran daripada itu, Daeng Menambun berjaya mendapat daerah Mempawah yang lain. Sebagai tambahan, Pangiran Dipati berundur ke Pebahar, kemudian ke Sapiri, kemudian ke Sanga Tamilak, kemudian ke Takan dan seterusnya ke Melayu.³⁴ Setelah tiba di Melayu, Pangiran Dipati menetap dan mangkat di sini.

Kaum Dayak Salleh pula ditangkap oleh pakatan Daeng Menambun dan diajarkan

tentang agama Islam. Selepas itu, Daeng Menambun mengarahkan seluruh kaum Dayak di Sungai Mempawah, Sungai Sumpat dan Sungai Malinsam berkumpul untuk bermesyuarat. Daeng Menambun berhasrat untuk mengadakan perjanjian dengan seluruh kaum Dayak dalam kerajaan beliau. Selain itu, Daeng Menambun memberi peluang kepada mereka dan wajib patuh kepada beliau serta keturunannya. Perjanjian tersebut adalah seperti berikut "Mengaku setia kepada raja turunan Patih Gumantar turun temurun".³⁵ Ekoran daripada itu, kaum Dayak menunjukkan sikap positif terhadap kepimpinan Daeng Menambun dan akan setia kepada beliau sampai bila-bila. Selepas perang di Pinang Sekayuk selesai, pakatan Daeng Menambun pulang ke Sebukit. Seterusnya, beberapa hari kemudian, Daeng Kemasi dan Daeng Chelak berhasrat untuk pulang ke kawasan pemerintahan masing-masing. Daeng Menambun dan Puteri Kesumba meneruskan kesinambungan kerajaan Mempawah.

Simpulan

Setelah Daeng Menambun dan Daeng Kemasi diutuskan oleh Daeng Parani di kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, mereka terus menetap di kerajaan Mempawah dan Sambas sehingga wafat. Daeng Menambun

berkahwin dengan Puteri Kesumba, keturunan diraja Matan dan Senggaok.³⁶ Selain itu, Daeng Menambun diberi gelaran sebagai Pangiran Emas Seri Negara dan dilantik sebagai Raja Mempawah yang berpusat di Sebukit pada tahun 1737. Daeng Menambun menetap di kerajaan Mempawah sehingga beliau wafat pada tahun 1761. Selepas kemangkatan Daeng Menambun, Gusti Jamril, putera beliau diangkat dan dilantik sebagai Raja Mempawah. Daeng Menambun merupakan seorang tokoh yang dicari oleh Sultan Muhammad Zainuddin dan kaum Dayak tua yang insaf kerana beliau seorang pemerintah yang bijak, baik dan sesuai.

Daeng Kemasi berkahwin dengan Raden Tengah, keturunan diraja Sambas dan Brunei. Selain itu, Daeng Kemasi diberi gelaran sebagai Pangiran Mangkubumi dan menjalankan pemerintahan dalam kerajaan Sambas.³⁸ Daeng Kemasi menetap di kerajaan Sambas sehingga beliau wafat. Selepas kemangkatan Daeng Kemasi, keturunan beliau tetap memegang jawatan dan membantu menaikkan kerajaan Sambas di Kalimantan Barat.³⁹ Daeng Kemasi merupakan seorang tokoh yang dicari oleh Sultan Umar Akamuddin I kerana baginda berhasrat untuk salah seorang daripada Opu Bugis Lima Bersaudara menetap di kerajaan Sambas.

Referensi

Sumber Utama

CO 439/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1889. Pejabat Sultan Negeri Johor, Family Tree Sultan of Johore and Bugis.

SP 368/21, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salinan Salasilah Raja Melayu Bugis di Nusantara.

SP 368/21, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salasilah Raja Melayu Bugis di Nusantara (Dalam Tulisan Jawi).

Sumber Kedua

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek: Menelusuri Maklumat daripada Teks Melayu", Seri Alam, Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor, Bil. 8, 2004.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Raja Kechil-Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722: Satu Kajian Tentang Asal-susulnya", Jurnal Sejarah Melaka, Bil. 6., 1981.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", Jurnal Sejarah Melaka, Bil 7, 1982.

M E"yas Suryani Soren (penyusun), Sejarah Mempawah Tempo Doeloe, him 67

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek: Menelusuri Maklumat daripada Teks

WVu, ' f? m' hlm' 84 dan Urai Rizai Fahmi' ^rajaan Islam Sambas, Sambas: Istana Alvvatzikhoebillah 2002, him. 12.

3J Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), Tuhfat

- al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam. him. 221.
Raja Haji Ali, Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-
Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864
him 34
- CT\110/1 Ain L r-i ^i. . ,
_J
CO 439/1, Annual Report of the State of
Selangor for the Year 1889.
Abu Hassan Sham, Puisi-puisi Raja Ali Haji,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
1993.
Ahmad Fauzi Basri (Penterjemah), Tuhfat al-
Nafis: Sejarah Melayu-hlam, Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
Andi Zainal Abidin, Sejarah Sulawesi Selatan,
Ujung Pandang: Hasanuddin University
Press, 1999.
Aruna Gopinath, Pahang 1880-1933: A
Political History, Kuala Lumpur: Malaysian
Branch of the Royal Asiatic Society, 1991.
Darmawijaya, Kesultanan Islam Nusantara,
Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar, 2010.
Ellyas Suryani Soren (penyusun), Sejarah
Mempawah Tempo Doeloe, Kabupaten
Pontianak: Kantor Informasi, Arsip dan
Perpustakaan Daerah Kabupaten Pontianak,
2004.
Goudie, D. J., Syair Perang Siak, MBRAS: Art
Printing Works Sdn. Bhd., 1989.
H. M. Syarif Kasim (penanggung jawab),
Kabupaten Sambas: Sejarah Kesultanan dan
Pemerintahan Daerah, Pontianak:
Percetakan Taurus-Semar Karya Pontianak,
2001.
H. Mawardi Rivai, "Kesultanan Sambas
Menenun Zaman", Rogayah A. Hamid dan
Mariyam Salim (Penyelenggara) Kesultanan
Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan
Pustaka, 2006.
Hooker, V. M., (editor), Tuhfat al-Nafis, Kuala
Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,
1982.
Linehan, W., A History of Pahang, Kuala
Lumpur: MBRAS, 1973.
Lisyawati Nurcahyani (Editor), Pontianak
1771-1900: Suatu Tinjauan Sejarah Sosial
Ekonomi, Pontianak: Romeo Grafika
Pontianak, 2000.
Low, H., "Selesilah (Book of the Descent of the
Rajas of Brunei", Cheah Boon Kheng
(Editor), Papers Relating to Brunei,
MBRAS: Academe Art & Printing Services
Sdn. Bhd., 1998.
Mohammad Isa Othman, Politik Tradisional
Kedah 1681-1942, Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka, 1990.
Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan oleh),
Salasilah Melayu dan Bagis, Petaling Jaya:
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.
Munoz, P. M., Early Kingdoms of the
Indonesian Archipelago and the Malay
Peninsula, Singapore: Editions Didier Millet
Pte Ltd., 2006.
Pabali bin Hj. Musa M. A, "Kesultanan
Sambas", Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul
Rahman, Ahmad Farid Abdul Jalal,
Bambang Dudi Utomo dan Asyaari
Muhamad (penyunting), Providing Seminar
Antarabangsa Kesultanan Melayu
Nusantara: Sejarah dan Warisan, Bangi:
Lembaga Muzium Negeri Pahang dan Inst.
Alam dan Tamadun Melayu UKM, 2005.
Raja Adnan Salman (diselenggarakan),
Warisan Khazanah Riau Gabungan Yayasan
Marhum Murshid, Singapura: 1988, him. 28
Raja AH HajL Tuhfat al-Nafis, Singapura:
Malaysian Publications Ltd., 1965.
Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis: Sejarah Riau-
Lingga dan Daerah Takluknya 1699-1864,
Tanjung Pinang: Yayasan Khazanah
Melayu, 2002.
Ricklefs, M. C, Sejarah Indonesia Modern
1200-2004, Jakarta: PT Serambi Ilmu
Semesta, 2005.
Rogayah A. Hamid (diselenggarakan), Hikayat
Upu Daeng Menambun, Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
Sartono Kartodirdjo, Pengantar Sejarah
Indonesia Bant: 1500-1900, Jakarta:
Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama,
1992.
Saunders, G., A History of Brunei, Kuala
Lumpur: Oxford University Press, 1994.
Urai Rizai Fahmi, Kerajaan Islam Sambas,
Sambas: Istana Alwatzikhoebillah, 2002.
Winstedt, R. O., A History of Johore, Kuala
Lumpur: Malaysian Branch of the Royal
Asiatic Society, 1979